

**PERTANDINGAN GUBAHAN LAGU KORPORAT MPPD SEMPENA
SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI PERBANDARAN
PORT DICKSON KE-20**

1.0 Syarat-Syarat Penyertaan

1.1 Umum

- i. Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada **SATU (1)** buah lagu untuk dipertandingkan dan dihakimi.
- ii. Penyertaan adalah **TERBUKA** kepada semua warganegara Malaysia.
- iii. Penciptaan lagu merujuk kepada penghasilan lagu (termasuk adunan muzik yang lengkap) dan lirik lagu. Hasil karya hendaklah yang asli dan **BELUM PERNAH** diterbitkan oleh syarikat rakaman, syarikat penerbitan atau persembahan luar.
- iv. Setiap penyertaan hendaklah disertakan dengan:
 - a) Borang penyertaan yang lengkap
 - b) Salinan Lirik lagu
 - c) Lagu yang telah dirakam musik dan nyanyiannya (adunan lengkap dan bukan demo tape) hendaklah dihantar dalam bentuk CD (3 Salinan CD).
- v. Pihak penganjur berhak **MEMBATALKAN** penyertaan yang menggunakan lirik dan lagu yang dipertandingkan di mana-mana pertandingan sebelum pertandingan ini, atau terdapat unsur-unsur plagiat di dalam lagu yang dihasilkan.
- vi. Pihak MPPD berhak untuk melanjutkan tempoh pertandingan sekiranya lagu-lagu yang diterima tidak menepati kriteria dan citarasa yang diinginkan.
- vii. Penyertaan boleh dihantar kepada pihak urusetia pertandingan bermula pada tarikh dan alamat seperti berikut:

Tarikh penyertaan: sehingga ~~30 November 2021~~ **24 Disember 2021(dilanjutkan)**

Alamat Urusetia:

Unit Korporat, Pelancongan dan

Perhubungan Awam

Majlis Perbandaran Port

Dickson ,Pejabat Cawangan

MPPD Terminal Bas Port

Dickson , 71000 Port Dickson ,

Telefon : 06 – 6462057/ 06 – 6462069/ 06 - 6462351

Faks : 06 - 6462590

1.2 Muzik / Lagu

- a) Lagu yang dihasilkan perlu mempunyai elemen-elemen berikut:
 - i) Lagu dinyanyikan dengan vokal yang jelas dan muzik yang jelas.
 - ii) Genre lagu irama komersil atau pop kotemporari, atau genre yang sesuai dijadikan tema korporat/kenegaraan. Genre berbentuk rock, blues, irama Malaysia dan *heavy metal* adalah tidak dibenarkan.
 - iii) Penggunaan alat muzik tradisional / moden adalah dibenarkan.
 - iv) Setiap lagu hendaklah **TIDAK MELEBIHI 2 MINIT**.

1.3 Lirik Lagu

- i. Sarikata lagu dan lirik hendaklah menggunakan **BAHASA MALAYSIA**
- ii. Lirik adalah bersesuaian dengan konsep lagu seperti kenegaraan, patriotik perkhidmatan, kebersihan, keindahan bandar, pembangunan dan usaha meningkatkan sistem penyampaian kepada rakyat.
- iii. Ia juga hendaklah berkisarkan kepada imej visi dan misi Majlis Perbandaran Port Dickson.
- iv. Lirik lagu yang dihasilkan hendaklah tidak mengandungi unsur-unsur negatif, lucah, tidak menyentuh sensitiviti kaum, bangsa serta tidak ada unsur-unsur menghasut.
- v. Perkataan-perkataan yang **WAJIB** digunakan di dalam lirik lagu.
 - a. *Majlis Perbandaran Port Dickson*
 - b. *Bandar Peranginan Negara dan Bandar Tentera Darat*
 - c. *PD Bersih, Indah dan Permai*
- vi. Senarai perkataan **BONUS** yang digunakan dalam lirik lagu.
 - a. *Inovasi*
 - b. *Integriti*
 - c. *Pantai*
 - d. *Kualiti*
 - e. *Dedikasi*
 - f. *Berganding bahu*
 - g. *Kerjasama*
- vii. Pihak MPPD berhak meminda lirik pemenang mengikut kesesuaian lagu . Pemenang hadiah UTAMA perlu merakam semula lirik dan lagu yang diperbetulkan sekiranya ada pindaan.

1.4 Proses Penghakiman

- i. Setiap penyertaan akan melalui proses penghakiman oleh pihak juri yang terdiri daripada pihak pengurusan atasan dan juri jemputan.
- ii. Penghakiman adalah berdasarkan kepada kualiti lagu, lirik dan adunan muzik secara keseluruhan. Ia juga harus bersesuaian dengan apa yang dikehendaki oleh pihak MPPD, iaitu memberikan identiti kepada MPPD. Panel hakim berhak untuk membuat penilaian berdasarkan kepada beberapa skor (lirik lagu, susunan muzik dan senikata lagu)
- iii. Penilaian juga akan diberikan kepada aspek kreativiti melodi yang bermutu, bernilai komersil dan menepati konsep serta mampu menarik minat semua golongan.
- iv. Keputusan hakim adalah muktamad.
- v. Hanya LIMA orang pemenang yang akan dipilih iaitu **PEMENANG UTAMA dan EMPAT HADIAH SAGUHATI**.
- vi. Pemenang akan dimaklumkan melalui emel, surat dan panggilan telefon. Hadiah akan disampaikan kepada pemenang pada hari pelancaran rasmi lagu yang dipilih atau pada masa-masa yang difikirkan sesuai oleh pihak pengurusan MPPD.

1.5 Hak Cipta Lagu

- i. Dengan mengemukakan penyertaan, secara rasminya peserta (komposer) bersetuju bahawa sekiranya lagu yang dipertandingkan menang, hak cipta akan menjadi milik pihak Majlis Perbandaran Port Dickson . Hakcipta lagu dan lirik akan didaftarkan melalui Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO)
- ii. Walaubagaimanapun, sebagai penghargaan nama pencipta akan dikekalkan sampai bila-bila.
- iii. Dengan itu, selain daripada hadiah yang telah ditetapkan, peserta (komposer) tidak berhak untuk menuntut apa-apa bayaran atau royalti terhadap lagu tersebut pada masa hadapan.
- iv. Kepada pemenang utama yang berjaya perlu menyerahkan salinan lagu format tanpa vokal (minus one)

2.0 Hadiah

Hadiah disediakan untuk 1 tempat terbaik dan hadiah saguhati. Hadiah merupakan wang tunai / hamper dan sijil penyertaan.

- i. Pemenang Utama – RM 4000.00
- ii. Saguhati – RM 250.00 (tertakluk kepada penyertaan)



BORANG PENYERTAAN

**PERTANDINGAN MENGUBAH LAGU MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI PERBANDARAN PORT DICKSON KE-
20**

TAJUK LAGU :	
--------------	--

NAMA PENCIPTA :	
NO KAD PENGENALAN :	
NO TELEFON :	
EMEL :	

NAMA PENULIS LIRIK :	
NO KAD PENGENALAN :	
NO TELEFON :	
EMEL :	

ALAMAT:	
---------	--

Saya mengaku bahawa ciptaan lagu dan lirik adalah ciptaan saya dan saya bersetuju untuk mematuhi segala syarat pertandingan yang telah ditetapkan.

.....

(Tandatangan)

Nama :

Tarikh :

Borang penyertaan yang telah lengkap beserta CD lagu (3 salinan) dan lirik hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut sebelum ~~30 November 2021~~
24 Disember 2021(dilanjutkan)

Unit Korporat, Pelancongan dan
Perhubungan Awam
Majlis Perbandaran Port Dickson
,Pejabat Cawangan MPPD
Terminal Bas Port Dickson,
71000 Port Dickson ,
Telefon : 06 – 6462057/ 06 – 6462069/ 06 - 6462351
Faks : 06 - 6462590